

Pembekuan perolehan ATM, PDRM tetap diteruskan



Anwar berucap pada Majlis Peluncuran Dasar Industri Pertahanan Negara di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

PM ingatkan semua pihak tidak ambil kesempatan jejas keselamatan rakyat, negara

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Nuratikah Athilya Hassan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Keputusan pembekuan sementara perolehan membabitkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta agensi berkaitan tetap diteruskan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, pembekuan semua perolehan yang diputuskan sebelum ini, tidak harus diganggu oleh sesiapa pun, kerana ia sudah membuktikan wujudnya kelemahan dalam proses tadbir urus dan tatakelola.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan agensi penguatkuasaan dan pasukan keselamatan negara tidak boleh lagi meneruskan amalan bobrok yang merosakkan ini, bukan sahaja kepada negara, tetapi industri itu sendiri.

“Bayangkan harapan seluruh

negara kepada satu angkatan untuk menjaga keselamatan kita, anak-anak kita, masa depan kita, itu diringankan dengan kepentingan peribadi.

“Mana mungkin kita tetapkan satu dasar pertahanan, perolehan senjata yang terbaik kalau kita masih diheret dengan kepentingan peribadi dengan komisyen dengan kekayaan-kekayaan.

“(Maka) pembekuan ini diteruskan di Kementerian Pertahanan dan saya nak selaraskan juga di Kementerian Dalam Negeri, kerana beberapa persamaan ataupun agensi-agensi lain yang terbabit,” katanya berucap pada Majlis Peluncuran Dasar Industri Pertahanan Negara (DIPN) di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MI-TEC), di sini, semalam.

Turut sama hadir, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan timbalannya, Adly Zahari; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar serta Panglima Tentera Darat (PTD), Jeneral Datuk Azhan Md Othman.

Sebelum ini, Anwar memaklumkan semua keputusan perolehan membabitkan ATM dan PDRM dan agensi berkaitan terkait dengan isu rasuah dibekukan sementara, sehingga proses perolehan dipatuhi sepenuhnya.

Mengulas lanjut, Anwar yang juga Menteri Kewangan menjelaskan, bukan bermakna anggota pentadbiran kerajaan mahu campur tangan dalam menentukan spesifikasi pembekalan persenjataan negara yang sememangnya berada dibawah kepakaran pasukan keselamatan.

“Bukan saya nak tentukan jenis senjata kelengkapan yang diperlukan mengikut urutan dengan keterbatasan. Saudara (pasukan keselamatan) tentukan dan kita lakukan mengikut proses yang telus, munasabah dan saya percaya ini dapat dilakukan sebaik diputuskan pimpinan angkatan bersenjata (ATM) yang baru nanti.

“Saya akan berikan seluruh dukungan dan sokongan termasuk DIPN, itu jaminan saya. Seluruh Jemaah Menteri bersama untuk perbaiki dan angkat semula peranan keupayaan, juga melaksanakan dasar DIPN,” katanya.

Penguatkuasaan tadbir urus

Menyentuh lanjut mengenai DIPN, Anwar berkata ia bukan saja berperanan memperkukuh ekosistem pertahanan, tetapi juga menyediakan kemandirian teknologi tempatan, pemerkasaan rangkaian atau yang disebut *supply chain* bekalan tempatan serta pengkomersialan penyeli-

dikan dan pembangunan (R&D)

“Tumpuan kita termasuk atau bermula dengan pengukuhan tabir urus dan institusi yang selalu saya tekankan bermula dengan tatakelola baik. Kita ada keupayaan. Puluh bilion ringgit dibelanjakan tetapi kalau kita asyik gila dengan komisyen dan dengan kepentingan kekayaan peribadi mana kita nak fikirkan kepentingan industri tempatan.

“Bila kita lihat umpamanya, keupayaan Malaysia ketimbang banyak negara berkembang lain dari sudut membina kekuatan teknologi dan industri tempatan, sebab itu DIPN ini memberi penekanan dalam bidang ini.

“(DIPN juga) harus didukung sepenuhnya sama ada oleh syarikat-syarikat milik kerajaan dan tentunya kita harus beri ruang bagaimana syarikat tempatan lainnya yang menunjukkan keupayaan harus diberikan soko-

ngan sebaik mungkin,” katanya.

Katanya, jika ada keupayaan dalaman yang cekap dan baik, industri perlu mula bergerak ke hadapan untuk meningkatkan daya saing global serta mula mengeksport produknya sendiri.

Dalam perkembangan sama, Perdana Menteri berkata, kemelut melanda kepimpinan ATM tidak sewajarnya dikaitkan dengan keseluruhan pasukan pertahanan negara.

Tegasnya, masih ramai pegawai dan anggota ATM yang bertugas dengan telus dan penuh amanah dalam menggalas tanggungjawab menjaga keselamatan negara.

Menurutnya, beliau berharap ‘puting beliung’ yang membadaai ATM ketika ini segera reda dan yakin kepimpinan baharu kelak mampu menerajui angkatan pertahanan negara dengan cemerlang.